

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COB - Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Sent: Monday, April 30, 2018 3:21 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah; Nurul Nadiah binti Rusle
Subject: SBM INDUSTRIAL TALK: TRANSFORMING YOURSELF: FROM WAGE EARNER TO AN ENTREPRENEUR



**Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan**

SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT

Universiti Utara Malaysia

30 APRIL 2018 | 14 SYAABAN 1439H

=====

**UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

and Good Day

SBM INDUSTRIAL TALK: TRANSFORMING YOURSELF: FROM WAGE EARNER TO AN ENTREPRENEUR



SBM ONLINE: Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM), Universiti Utara Malaysia telah mengadakan *Industry Talk* oleh Yang Berbahagia Datuk Abdul Malik Abdullah, Felo Adjung, Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan. Program ini telah berjalan selama satu hari iaitu pada 24 April 2018 yang telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Tuan Dekan, Prof Dr Haim Hilman Abdullah. Program ini telah mendapat penyertaan daripada pelajar program perniagaan dan bukan perniagaan di UUM. Program ini diketuai oleh Dr Norria Zakaria, Dr Azahari Ramli, Dr Kadzrina Abdul

Kadir, dengan kerjasama padu semua ahli jawatankuasa yang terlibat yang rata-ratanya terdiri daripada beberapa pensyarah di Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan dan pelajar praktikum SBM. Selain itu, Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan juga telah mengambil inisiatif dengan mengadakan perbincangan lanjutan dengan Yang Berbahagia Datuk Abdul Malik Abdullah mengenai kurikulum program Keusahawanan dan program lain secara amnya bagi tujuan penambahbaikan.

Tajuk utama ceramah ialah 'Transformasi Diri dari Kerja Makan Gaji kepada Kerjaya sebagai Usahawan'. Tajuk ini menjadi pilihan bagi menyampaikan maklumat berkaitan kelebihan kerjaya sebagai seorang usahawan termasuklah perkongsian mengenai aspek cabaran yang perlu dilalui dan pulangan dari sudut ekonomi dan sosial.

Antara pengisian utama perkongsian ialah sejarah penubuhan Syarikat *D'Tandoor Food Industries Sdn Bhd*, termasuklah pengalaman dan cabaran yang dilalui oleh Yang Berbahagia Datuk sehingga berjaya menempa nama dalam industri makanan yang ternyata merupakan antara industri yang paling mencabar berbanding industri-industri yang lain. Satu daripada tips yang dikongsikan yang amat penting bagi mana-mana individu yang ingin menceburi industri makanan termasuklah kualiti makanan, lokasi, kualiti servis, harga dan suasana persekitaran.

Program ini diakhiri dengan sesi soal jawab dan penyampaian cenderahati kepada Yang Berbahagia Datuk Abdul Malik Abdullah. Hasil dari program ini diharap dapat memberi pendedahan dan meningkatkan minat graduan untuk terlibat dalam dunia keusahawanan.

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.